

7966

**Warisan: jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, cawangan
Negeri Sembilan 20 (1997)**

1

PERANAN KEPIMPINAN DALAM ADAT PERPATIH¹

Oleh:
NORHALIM HJ. IBRAHIM
Jabatan Pengajian Pembangunan Keluarga
Universiti Putra Malaysia
Serdang.

1. PENGENALAN

Negeri Sembilan, seperti yang dimaklumi, dari segi adat terbahagi kepada dua wilayah utama. Pertama ialah wilayah Adat Perpatih dan kedua wilayah bukan Adat Perpatih. Wilayah Adat Perpatih adalah terdiri daripada daerah-daerah Rembau, Seremban, Jelevu, Johol, Jempol, Kuala Pilah dan Tampin. Secara adat, daerah-daerah ini terbahagi kepada beberapa luak iaitu Luak Rembau, Sungai Ujung (Daerah Seremban dan sebahagian daripada Port Dickson), Jelevu, Johol (dalam daerah Kuala Pilah dan Tampin), Gunung Pasir, Ulu Muar, Terachi, Inas (dalam daerah Kuala Pilah), Jempol dan Tampin. Wilayah bukan Adat Perpatih adalah daerah Port Dickson.

Di luar Negeri Sembilan, terdapat juga wilayah yang mengamalkan Adat Perpatih. Wilayah Adat Perpatih di luar Negeri Sembilan ini juga terbahagi kepada dua. Pertama ialah Naning, di Melaka. Naning adalah wilayah Adat Perpatih yang sama tuanya dengan luak adat Negeri Sembilan kerana ia wujud seiring dengan luak-luak adat, malahan dianggap sebagai satu daripada daerah Negeri Sembilan asli (Norhalim Hj. Ibrahim, 1993:80). Kedua adalah wilayah adat yang baru diteroka iaitu Lukut di Kota Tinggi, Johor dan Kampung Sasapan Batu Rembau di Beranang, Selangor. Kedua-dua wilayah akhir disebut ini telah dibuka oleh orang-orang dari Negeri Sembilan² pada sekitar tahun 1980. Penduduk di Lukut dan Sasapan Batu Rembau masih pada dasarnya mengamalkan sistem Adat Perpatih.

Adat Perpatih di Negeri Sembilan, jikalau diteliti dengan terperinci dapat dibahagikan kepada tiga wilayah, iaitu Wilayah Luak Berundang, Wilayah Luak Tanah Mengandung dan Wilayah Luak Tampin³. Antara ketiga-tiga wilayah Adat Perpatih dalam Negeri Sembilan itu terdapat perbezaan dan kelainan. Jikalau dibandingkan pula dengan wilayah Adat Perpatih di luar Negeri Sembilan, maka kelainan dan perbezaan itu akan semakin jelas dan ketara. Namun, dasar dan prinsip sistemnya sebagai keseluruhan masih mempunyai persamaan.

Dalam menghuraikan mengenai pengwilayah Adat Perpatih di atas, khususnya di Negeri Sembilan, istilah '*wilayah bukan Adat Perpaith*' itu adalah daerah Port Dickson⁴, terutama sekali wilayah Linggi⁵. Apa yang harus diambil perhatian dalam permaknaan istilah ini ialah pembahagian langsung kepada dua atau *daikotomi* iaitu Adat Perpatih atau Adat Temenggung⁶ tidak digunakan. Sehingga kini, pemahaman masyarakat umum ialah adat Melayu itu, jika ia bukan Adat Perpatih maka tentulah Adat Temenggung. Apa yang hendak diutarakan di sini ialah: penggunaan istilah Adat Temenggung kepada adat orang Melayu di luar wilayah Adat Perpatih, khususnya kawasan Linggi, adalah satu kesilapan yang perlu di ambil perhatian dan dielakkan. Tegasnya masyarakat Melayu di luar Adat Perpatih bukannya pengamal Adat Temenggung seperti yang diistilahkan selama ini.

2. STRUKTUR KEPIMPINAN ADAT PERPATIH

Adat perpatih telah mengelompokkan masyarakat pengamalnya kepada kelompok-kelompok kekeluargaan. Secara teori terdapat 12 buah kelompok kekeluargaan. Setiap kelompok kekeluargaan itu boleh dipecahkan kepada beberapa buah kelompok kekeluargaan yang lebih kecil; dengan kelompok terkecil dikenali sebagai rumpun yang diikuti oleh kelompok-kelompok yang semakin membesar bilangan ahlinya iaitu ruang dan perut, dan yang terbesar sekali kelompok kekeluargaan suku. Istilah yang digunakan bagi menamakan kelompok-kelompok itu, selain daripada suku, terdapat kelainan antara sebuah luak dengan luak yang lain di Negeri Sembilan dan Naning. Di Lukut dan Sasapan Batu Rembau, pengelompokkan kekeluargaan ke bawah daripada perut telah hilang.

Setiap kelompok itu diberi ketua atau pemimpin. Ketua-ketua itu dikenali sebagai lembaga untuk suku, buapak untuk perut, besar untuk ruang dan kadim untuk rumpun. Setiap seorang pemimpin adat itu, melainkan kadim, diberi gelaran khas. Kadim juga bergelar tetapi gelarannya bukan gelaran politik adat, tetapi gelaran peribadi atau sosial yang diberikan kepadanya berdasarkan perbilangan '*kocik benamo, bosa begola*'.

Gelaran bagi pemimpin-pemimpin adat ini juga berbeza daripada luak ke luak, malahan dalam sebuah luak pun gelaran itu berlainan, walaupun nama sukunya sama. Misalnya gelaran bagi Lembaga Suku Tanah Datar. Lembaga suku ini di Jelebu bergelar Datuk Cincang Maharaja Lela, di Jempol

Datuk Seri Amar Menteri, di Gunung Pasir Datuk Menteri Maharaja (harus diambil perhatian bahawa Penghulu Luak Guning Pasir adalah ahli Suku Tanah Datar dan gelarannya ialah Datuk Orang Kaya Mempasir Setiawan) dan di Naning Lembaga Suku Tanah Datar ialah Datuk Raja Menteri. Selanjutnya terdapat sekurang-kurangnya dua buah luak di mana wujud dua buah suku tetapi mempunyai satu nama. Di Rembau, misalnya setiap nama suku, melainkan Suku Selemak, adalah sekurang-kurangnya terdiri daripada dua buah suku berasingan, yang dikenali pasti dengan tambahan kata '*baroh*' dan '*darat*' di hujung nama suku berkenaan. Justeru itu terdapat misalnya Suku Tanah Datar Baroh yang berlembagakan Datuk Raja Senara, dan suku Tanah Datar Darat dengan Datuk Maharaja Inda sebagai lembaganya. Luak Ulu Muar pula tidak memberikan kata pembeza bagi dua buah suku yang senama iaitu Suku Tanah Datar. Suku ini dipimpin oleh dua orang lembaga: seorang bergelar Datuk Paduka Besar dan seorang lagi Datuk Perdana. Pola kepimpinan suku Tanah Datar ini telah diamalkan juga (oleh kelompok kekeluargaan lain) bagi menamakan ketua-ketua mereka.

Setiap pemimpin adat itu mempunyai batas wilayah dan kuasa atau '*lopak*' dan '*lubuk*' masing-masing. Kekuasaan mereka, baik dari segi jenayah, sivil, sosial dan ekonomi adalah dalam lingkungan tersebut. Pemimpin-pemimpin yang melangkaui batasan wilayah dan bidang kuasanya, melainkan atas permintaan atau dengan izin pihak tertentu dan berkenaan, adalah dianggap sebagai '*tidak tahu adat*', '*menjaga tepi kain orang*', atau '*mengobok dilubuk/di lopak orang*'. Perbuatan sedemikian ini adalah suatu kesalahan adat dan melanggar tatasusila serta pantang larang adat. Pemimpin yang melakukannya harus dikenakan hukum atau denda adat berdasarkan kesilapan yang telah dilakukan. Pendek kata: kuasa pemimpin adat adalah terhad dalam '*lingkungan*' yang telah dikenali pasti oleh aturan Adat Perpatih.

3. CIRI-CIRI PEMIMPIN ADAT

Pemimpin adat adalah dipilih daripada kalangan anak buah yang berhak. Beliau harus mempunyai '*budi yang dalam, tutur kata yang halus*'. Seorang pemimpin adat haruslah mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) fungsi penting:

- a. sebagai ahli dalam suku dan masyarakatnya,
- b. sebagai kadim dalam kelompok-kelompok kekeluargaan sebelah ibunya.

- c. sebagai ayah kepada anak-anak dan suami kepada isterinya.
- d. sebagai orang semenda di rumah dan suku isterinya.
- e. sebagai ahli kerapatan dalam semua permuafakatan adat.

Fungsi-fungsi diatas haruslah dilaksanakan pada semua peringkat kelompok sama ada ruang, rumpun, perut dan/atau suku.

Oleh sebab itu, seorang pemimpin adat mempunyai tanggungjawab dan kewajipan yang lebih daripada ahli-ahli lain dalam komunitinya. Untuk menjadi pemimpin, seseorang itu harus, di samping berhak atas sebab darah keturunan (*soko*), juga mempunyai kualiti yang diperlukan sesuai untuk kedudukan dan statusnya sebagai pemimpin. Ada sekurang-kurangnya sembilan (9) kualiti dasar yang harus ada dan diamalkan oleh seorang pemimpin adat.

3.1 Kualiti Pemimpin Adat

1. Lelaki Nan Berakal. Ini bermakna seseorang pemimpin itu haruslah orang yang cukup matang. Kualiti ini membolehkan beliau mempunyai keyakinan memberi pendapat dalam menyelesaikan masalah yang timbul (tumbuh) dalam komunitinya. Beliau tidak harus berlaku seperti '*maling-maling ateh bukit*'. Dengan kata lain pemimpin adat itu mesti:

*tahu menimbang awal dan akhir,
tahu Allah dengan Rasul,
tahu menentu sunat dan fardhu,
tahu membeza halal dan haram,
dan seterusnya.*

Seorang perempuan, walaupun diompokkan harta pusaka tanah dan sebagainya, tidak boleh menjadi pemimpin adat. Dalam keadaan tertentu, perempuan boleh menjadi '*lapik*' sementara bagi ketua sebuah rumah tangga (*bendul nan empat*), tetapi tidak berhak untuk mengambil bahagian yang aktif dalam kerapatan ketua-ketua adat atau dalam upacara adat di mana pidato adat adalah diperlukan.

2. Kaya. Dalam zaman tradisional, seorang ketua adat, khususnya lembaga dan buapak haruslah orang *'berada'*. Untuk mencapai tujuan dan taraf tersebut, apabila seseorang itu dilantik, kepadanya diserahkan *'sawah paduaan'* yang dipanggil *'sawah kebesaran'* oleh sukunya. Hasil daripada sawah ini adalah cukup untuk menanggung hidupnya. Beliau juga berhak untuk mendapat dan memberi tenaga *menyeraya* daripada dan kepada anak buahnya. Di samping itu beliau berhak memungut *'tukuk bumbung'* iaitu mencukai ke atas barang-barang tertentu seperti hasil hutan, hasil tangkapan ikan, cukai jualan dan sebagainya. Beliau tidak bergaji. Apabila beliau meninggal dunia, hartanya diwarisi oleh saudara perempuan daripada sebelah ibunya. Perwarisan ini diistilahkan sebagai *'kaya bersalin'*. Selain daripada kaya kebendaan, pemimpin adat juga harus *kaya dan miskin pada hati dan kebendaan*. Ini bermaksud, beliau haruslah seorang yang rendah hati, ramah terhadap sesamanya dan terhadap anak buahnya, sabar, sentiasa berfikir dengan kepala dingin serta dada yang lapang.

3. Pemurah. Beliau harus seorang yang pemurah membantu anak buahnya yang berkeperluan, sama ada dari segi kebendaan mahupun bukan kebendaan seperti nasihat dan tunjuk ajar, dan suka turun tangan dalam menyelesaikan sesuatu yang terjadi dalam masyarakat. Adat *melarang* seorang pemimpin itu menunjukkan muka masam dan marah kepada anak buahnya. Seorang pemimpin dikehendaki oleh aturan adat supaya murah bergaul dan berseloroh dengan seluruh lapisan anak buah seperti dibilangkan:

*Berjalan seorang tidak dahulu,
berjalan berdua tidak ditengah*

4. Berilmu. Berilmu di sini termasuk juga pengertian berfaham, bermakrifat dan berkeyakinan. Seorang ketua adat harus melengkapi dirinya dengan segala pengetahuan untuk kepentingan anak buah dan sukunya. Beliau harus mempunyai pengetahuan yang lebih atau sekurang-kurangnya sama dengan anak buah. Untuk tujuan ini beliau haruslah tidak segan dan silu memperbaiki diri mengikut aturan adat:

*Kalau duduk, duduk berguru,
kalau tegak, tegak bertanya,*

*berjalan mencelikkan mata,
belayar mencelikkan akal,
tak tahu, bertanya,
pandai dek berguru :
malu bertanya sesat jalan,
segan berkayuh perahu hanyut.*

Sejajar dengan aturan ini, adat membilangkan pemimpin yang berilmu itu sebagai:

*Sangkutan yang tidak serabab,
cermin nan tidak kabur,
tali nan tidak putus,
lantak nan tidak goyah.*

Ilmu yang patut ada dalam diri seorang pemimpin adat itu bukan sahaja ilmu adat tetapi juga ilmu-ilmu sosial, ekonomi dan terutama sekali ilmu akhirat. Seandainya pemimpin itu tidak berilmu, maka terjadilah seperti kata pepatah adat :

*Alang tukang binasa kayu,
alang cerdik binasa adat,
alang alim rosak agama.*

5. Arif Bijaksana. Kualiti ini adalah ekoran daripada kualiti berilmu di atas. Ketua adat harus mempunyai fahaman dalam sesuatu, boleh menyimpan rahsia yang patut dirahsiakan. Kata perbilangan:

*Cakap berlunak-lunak,
bicara berlembut-lembut;
dalam tegang ada kendurnya,
dalam kendur ada tegangnya;
genting jangan membawa putus.
Bagai mencancang dalam air,
cancang putus air tak berair;
bagai menangkap belut di lumpur,
belut dapat air tak keruh.
Jangan taruh bak ke tidiang,*

*jangan berleserak bak anjalai,
kok ada runding nan berahsia,
patut berdua jangan bertiga.*

Kualiti ini diperbilangkan juga sebagai :

*Berkata pelihara lidah,
berjalan pelihara kaki;
lidah terdorong, emas padahnya,
kaki terdorong, nilai padahnya.*

*Bercakap siang, lihat-lihat,
bercakap malam, dengar-dengar,
murah kata tak katakan,
sulit kata dengan timbangan.*

*Tahu bayang kata nan sampai,
tahu ranting nan patah,
tahu tunggul nan menghalang,
tekilat ikan di air :
tahu jantan betinanya.
kilat beliong, ke kaki,
kilat cermin, ke muka.*

Dengan kata-kata lain, oleh sebab pemimpin itu berilmu dan arif bijaksana, beliau adalah seorang yang berwawasan. Beliau cepat dan pantas memahami sesuatu dan cepat lagi pantas pula mengatasinya sebelum berlaku sebarang keburukan dan kepincangan.

6. Jujur. Seorang pemimpin adat tidak harus menunjukkan sifat negatifnya. Perbilangan adat memperjelaskan:

*Ke mudik sehentak galah,
ke hilir serengkuh dayung;
sekata lahir dan batin,
sesuai mulut dengan hati.*

Dengan demikian, seorang pemimpin adat hendaklah menjauhi sifat:

*Menusuk kawan seiring,
menggunting dalam lipatan,
melalak kucing di dapur,
bolit kacang nak memanjat,
bolit jering nak berisi,
memapeh dalam belango,
menahan jerat di pintu,
mencari damar di bawah rumah,
penjual anak buah,
pengecoh orang sekampung,
penipu orang seluak.*

Sebaliknya, seorang pemimpin itu harus mempunyai ciri-ciri yang positif

7. Lurus dan Benar. Seorang ketua adat yang telah dilantik oleh anak buahnya haruslah bersifat benar, tidak bersifat dusta. Kalau beliau seorang pendusta maka hancurlah masyarakat anak buahnya, kemakmuran akan menjauhi dari kelompok kekeluarganya, kebenaran dan keadilan sukar ditegakkan. Justeru itu, pemimpin hendaklah bersifat benar dan memperjuangkan kebenaran.

*Kata adat:
Berjalan lurus, berkata benar,
jalan lurus laluan terentang,
lurusnya menahan lilit,
berlebih menahan cuba.*

*Bertongkat pada nan lurus,
bersandar pada nan benar,
mencari pancang pada nan lurus,
mencari galang pada nan benar.*

*Bersilang tombak dalam parang,
beribu batu penarungan,
perit terbentang dihalangi,
tegak pagar nan kokoh,*

*berdinding rampai ke langit,
namun nan benar dialih tidak.
Sesuai mulut dengan hati,
tegak memegang kebenaran,
menepati janji nan dibuat bersama.*

8. Adil. Ini bermakna pemimpin adat dalam melakukan sesuatu tindakan mesti hati-hati dan teliti. Setiap keputusan yang diambil harus dengan kata sepakat, memikirkan sebab dan akibat sesuatu, atau mengetahui latar belakang daripada sesuatu tindakan dan keputusan yang dilaksanakan. Kata perbilangan :

*Walaupun hinggap yang mencengkam,
kuku yang tajam tak terasa;
Walaupun memegang tampuk alam,
kata muafakat yang berkuasa.*

*Menyukat sama penuh
menimbang sama berat,
mencincang sama putus,
menggantung sama tinggi.*

*Adil tidak memandang kaum,
benar tidak membilang suku,
adil tidak berpihak,
benar tidak berkawan.*

*Belum pergi dah balik,
belum rebah dah ke hujung,
belum beli dah dijual,
sebelum makan dah merasa,
mengenal awal dan akhir,
mengingat mudarat dan manfaat.*

*Tahu di angin nan bersurut,
tahu di alamat kata sampai,
belum berkilat dah berkelam,
tahu nan runcing kan mencucuk,
serta dahan kan menghimpap.*

*Buatan diteguhi,
amanah di pegang,
buatan berlingkar,
baris menanti,
kata dahulu ditepati,
kata kemudian dicari.
Menghukum adil berkata benar,
tidak boleh berpihak-pihak,
tidak boleh berkatian kiri,
lurus benar dipegang sungguh.*

*Di mata jangan dipicingkan,
di dada jangan dibusungkan,
di perut jangan dikempiskan.*

Beliau harus memahami bagaimana hendak menerapkan peraturan atau undang-undang perwarisan yang dibilangkan sebagai :

*Cincang, berlandas,
coreng, berbaris,
baris, bertatah,
nan bergaris nan berpakat,
nan bertakuk nan bertobang,
lembaga, bertuang.
jangka, berlebihi,
cupak, bergantang,
bungkal, berbatu,
teraju nan tidak teleng.*

9. Berfikir. Seorang pemimpin harus berhati-hati dan cermat dalam berbuat, berkata sehingga tidak merosak hati orang lain, dan selalu mempunyai sifat tenang dalam berfikir, dengan mengingat buruk baik akibat disebabkan suatu tindakan. Ini diaturkan oleh adat sebagai:

*Fikir pelita hati,
tenang hulu bicara,
hening seribu akal,
kerana sabar kebenaran datang,*

*bertolak maka berjalan,
beriya baru berkata,
ingat : dahan akan menimpa,
belum rebah sudah ke ujung,
belum pergi sudah balik,
belum beli sudah dijual,
belum makan sudah terasa,
berkata siang, lihat-lihat,
berkata malam, hati-hati.*

*Orang pemarah banyak hutang,
orang pencepat lekas kena,
orang penggamang mati jatuh,
orang penyejuk mati hanyut.*

3.2 Siapa Pemimpin Adat

Seorang pemimpin adat harus sedar bahawa beliau:

*Tumbuh kerana ditanam,
tinggi kerana disanjung,
besar kerana dipupuk,
mulia kerana dihormati
bukan mencucuri dari langit,
tidak membusut dari bumi.*

Fungsi dan peranan⁷ pemimpin adat adalah banyak. Banyak sekali kualiti baik yang dipinta daripadanya. Besar sekali tanggungjawab yang harus di-laksanakannya. Pemimpin adat itu sebenarnya adalah orang yang paling penting dalam kelompok kekeluargaannya. Justeru itu adat melihatnya sebagai :

*Kayu godang di tengah padang,
nan berpucuk benar-benar bulat,
nan berakar benar-benar tunjang.
daun rimbun tempat berlindung,
batang besar tempat bersandar,
akar kuat tempat bersela,
dahan kukuh tempat bergantung,*

*yang tinggi nampak jauh,
dekat mula bertemu,
tempat berlindung ketika panas,
tempat berteduh ketika hujan.*

*Penghulu melantai negeri,
melantai dusun dan kampung,
melantai kota dan negeri,
melantai sawah dan ladang,
melantai surau dan masjid,
melantai jalan dan tepian,
melantai anak buah.*

*Orang yang cerdik dan pandai,
serta arif bijaksana,
yang tahu pada onak nan menyangkut,
yang tahu pada ranting nan menyangkut,
tahu pada ombak nan bersabung,
tahu pada angin nan berkisar,
tahu pada alamat kata sampai,
belum terkilat telah kelam,
bulanlah cukup tiga puluh,
terkilat ikan di air,
ikan terkilat jala tiba,
tahu jantan betinanya.*

Ketua adat juga adalah :

*Yang bermata tajam,
bertelinga nyaring,
memakai usul dan periksa,
tahu akan sumbang dan salah,
parit pagar dinding nan kokoh,
mengempang sampai ke seberang,
mendinding sampai ke langit,
menjaga cabul jangan terjadi,
siar bakar maling dan curi,
menjaga garis jangan terlanggar.*

Ketua adat hendaknya menurut ajaran adat pula :

*Anak buah beraja⁸ ke buapak,
buapak beraja ke lembaga,
lembaga beraja ke penghulu,
penghulu beraja ke muafakat,
muafakat beraja kebenaran,
kebenaran berdiri sendirinya,
menurut atur dan patut.*

Seandainya pemimpin adat tidak tunduk lagi kepada dasar alur dan patut maka beliau dapat disanggah oleh mereka yang dipimpin iaitu anak buah dan rakyat; bak kata pepatah :

*Raja adil raja disembah,
raja zalim raja disanggah.*

Apa yang dikehendaki oleh adat ialah :

*Menurut alur nan lurus,
menempuh jalan nan pasar,
memelihara harta pusaka,
kusut nan menyelesaikan,
keruh nan menjernihkan,
lupa nan mengingatkan,
panjang nan memendekkan,
senteng nan memanjangkan.*

kerana pemimpin yang mereka pilih dan mereka angkat itu adalah :

*Lubuk kal,
lautan budi.*

Dengan demikian, untuk menjaga semua pihak pemimpin, dalam menyelesaikan segala kesulitan dan masalah harus menggunakan kebijaksanaan serta memperhatikan rasa mereka yang bersangkutan. Ini dikatakan oleh adat sebagai :

*Palu-palu ular dalam benih,
benih tidak rosak,
tanah tidak kembang,
pemalu tak patah,
namun ular mati juga;
umpama menghela rambut dalam tepung,
rambut tak putus,
tepung tak berselerak.*

Ketua adat adalah ikutan yang harus dicontohi dan diteladani oleh anak buah dan ahli masyarakat yang dipimpinya.

*Kemana jalan hendak ke pantai,
tersepak batu terasa sakit;
Kalau pemimpin umpama lantai,
jika terpijak, jangan menjungkit.*

*Teluk biasa tumpuan kapal,
gunung biasa tumpuan kabus,
bukit biasa tumpuan angin;
pemimpin biasa tumpuan umpat.*

*Orang Kelang pergi ke Mampat,
tawar-menawar di Mandiingin,
lalu mendapat cincin emasnya;
Kalau datang keji dan umpat,
sangka datang sitawar sidingin,
begitulah sifat pemimpin sebenarnya.*

4. KEKUATAN KEPIMPINAN ADAT PERPATIH DARI SEGI SEJARAH REMBAU ⁹

Adat Perpatih telah diamalkan di wilayah Adat Perpatih Negeri Sembilan Darul Khusus (dan Naning, Melaka), khusus di Luak Rembau sejak tidak kurang dari 600 tahun yang lalu. Untuk lebih kurang 250 tahun Adat Perpatih telah diamalkan pada tahap yang paling maksimum. Pengamalannya yang sedemikian itu telah membolehkan Kerajaan Adat Rembau berjaya mempertahankan kemerdekaan dan kebebasan sebagai sebuah negeri yang

berdaulat dan berwibawa. Sehubungan dengan ini, Kerajaan Rembau dan negerinya yang sembilan adalah digeruni oleh kuasa-kuasa luar yang lebih besar dan kuat daripadanya, baik kuasa Melayu mahupun Portugis, Belanda dan Inggeris.

Kerana pengamatan Adat Perpatih dan pimpinan ketua-ketua adatnya yang bergayut kukuh dan berpegang kukuh kepada prinsip dan falsafah adatnya, Rembau adalah satu-satunya kerajaan Melayu yang sanggup bertahan untuk sekian lama, sedangkan negeri-negeri besar seperti Melaka, Johor, Selangor serta negeri-negeri kecil sekitarnya seperti Naning, Sungai Ujung, Jelebu dan Johol telah jatuh tertakluk atau dipengaruhi oleh kuasa asing. Berbanding dengan negeri-negeri Melayu yang sezaman dengannya, Rembau adalah sebuah negeri kecil. Secara logik, oleh sebab kekecilannya, maka seharusnya Rembau menjadi salah sebuah negeri Melayu yang pertama atau setidak-tidaknya antara yang awal tumbang atas ledakan penjajah barat, bermula dengan Portugis diikuti oleh Belanda dan diakhiri oleh Inggeris. Negeri-negeri besar seperti Melaka telah jatuh ke tangan Portugis akibat kurangnya kesatuan dan persatuan di kalangan pembesar dan antara rakyat dan pemerintah. Johor, walaupun dapat bertahan dan lambat dijajah kuasa barat tetapi pada sekitar abad ke-17 telah diserapi dan '*ditawan*' oleh orang Bugis-Makasar, juga atas ketidak sepaduan rakyat dan pembesar. Nasib Selangor pun lebih kurang sama dengan Johor. Ia malahan dapat dikatakan sebagai '*Sulawesi Kecil*' di Semenanjung Tanah Melayu, tetapi akhirnya jatuh juga ke tangan Inggeris. Perak dan Kedah, Kelantan dan Terengganu pula adalah buah mainan Kerajaan Siam.

Di kalangan negeri-negeri kecil pula Naning adalah negeri yang paling awal tersungkur. Ini diikuti, walaupun lebih kurang seabad dua kemudian, oleh Sungai Ujung, Jelebu, Johol dan Linggi serta negeri-negeri adat dalam Luak Tanah Mengandung. Tetapi Rembau, walaupun lebih kecil daripada Sungai Ujung, Jelebu dan Jempol, dapat bertahan sehingga sekitar akhir kurun ke-19. Untuk menjatuhkan Kerajaan Adat Rembau pula bukanlah perkara senang. Penghulu ketika itu, Datuk Lela Maharaja Haji Sahil terpaksa di dakwa (*impeach*) di luar tanah Rembau; iaitu di Melaka. Dengan bersaksikan pembesar-pembesar negeri-negeri Melayu besar seperti Selangor dan Perak serta negeri-negeri kecil lain termasuk Tampin, Sungai Ujung, Linggi dan Seri Menanti, berserta dengan ancaman kekuatan tentera British, Kerajaan Rembau secara tidak langsung telah dinaungi Inggeris. Untuk menjitukan lagi tindakan

Inggeris itu, Weld, Gabenor Negeri-Negeri Selat pada ketika itu telah mengurung pemimpin-pemimpin adat Rembau dalam sebuah bilik. Pintu bilik berkenaan telah dikawal rapi oleh tentera Inggeris dengan arahan : Tiada siapa dibenarkan keluar atau masuk (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995 : 309). Satu perkara yang harus diambil perhatian dan ditekankan disini ialah : walaupun Kerajaan Rembau berjaya bertahan menentang kemasukan luar, seperti kuasa Portugis dan Belanda, kemudian Inggeris, pengaruh Bugis pada sekitar pertengahan abad ke-18, Rembau dalam sejarahnya tidak mempunyai wira atau hero seperti Datuk Maharaja Lela di Perak, atau Datuk Bahaman dan Mat Kilau di Pahang, atau Datuk Janggut di Kelantan. Wira Rembau adalah seluruh rakyat dan pemimpinnya. Adat Perpatih amalan Kerajaan Rembau tidak memperuntukkan seseorang individu itu mengatasi atau melebihi yang lain. Konsep Adat Perpatih adalah:

*Duduk sama rendah,
berdiri sama tinggi.*

Dalam menjalankan tugas, peranan dan tanggungjawab, dalam aktiviti apa sekalipun, termasuk mempertahankan kebebasan dan kedaulatan negeri, antara rakyat dan pemimpin terdapat kerjasama yang erat, seperti akta falsafah hidup adat:

*Seberat seringan,
seada setidak,
bukit sama didaki,
lurah sama dituruni.
senang sama senang,
susah sama susah.
tertelungkup sama makan tanah,
terlentang sama minum embun.*

Selepas mengambil kira semua faktor dan fakta, didapati bahawa antara sebab-sebab yang ada, pengamalan Adat Perpatih yang maksimum serta peranan dan kepimpinan ketua-ketua adat Kerajaan Rembau yang tidak menyeleweng adalah faktor penentu kuat atau lemahnya Kerajaan Adat Rembau. Tegasnya, kesepaduan yang jitu antara anak buah (rakyat) dengan ketua-ketua adat itulah yang menjadi teras dan tunjang serta tulang belakang menghindarkan dan mempertahankan Kerajaan Adat Perpatih, dalam konteks ini, Kerajaan Rembau, dari terjajah, dijajah dan dipengaruhi oleh kuasa luar.

3. Kemerosotan Kerajaan Adat Rembau

Untuk lebih kurang 290 tahun, pemimpin dan rakyat Kerajaan Rembau berjaya bertahan dan menyilatkan tekanan serta pukulan kuasa luar. Mulai sekitar tahun 1830 an para pemimpin adat di Rembau telah diresapi dan dilanda oleh nilai baru, khusus nilai dan sikap individulistik - mementingkan diri sendiri - yang bertentangan dan berlawanan dengan keseluruhan nilai, falsafah dan prinsip Adat Perpatih. Antara pemimpin yang memulakan dan menyemai benih nilai dan sikap baru itu ke dalam struktur dan organisasi Adat Perpatih adalah Syed Syaaban dan Raja Ali. Mereka itu pada hakikatnya bukan orang adat, tetapi telah terpaksa di kedimkan menjadi orang adat.

Mulai dari tahun-tahun tersebut, pengamalan sistem Adat Perpatih mulai menurun dan merosot. Pemimpin-pemimpin adat mulai menunjukkan kelemahan dari segi peranan, tanggungjawab dan kewibawaan. Ekoran daripada itu, pemimpin-pemimpin atau ketua-ketua adat dalam Kerajaan Rembau mulai secara beransur-ansur menyeleweng daripada menjalankan dan melaksanakan tugas sebagai *orang yang dituai*. Justeru itu, ditegaskan sekali lagi, penyelewengan pemimpin-pemimpin adat dalam menjalankan tugas, peranan dan tanggungjawab adalah faktor terakhir dan signifikan malah *fatal* (pembunuh) yang membuatkan Kerajaan Rembau jatuh. Pihak luar dan dalam, bagaimanapun mengambil masa tidak kurang daripada setengah abad untuk mencapai matlamat memusnahkan kedaulatan dan kewibawaan Kerajaan Adat Rembau.

Daripada huraian ringkas mengenai latar belakang sejarah Kerajaan Rembau ini nyatalah bahawa kekuatan, keteguhan serta kewibawaan sesebuah kerajaan itu bergantung pula atas kekuatan, keteguhan dan kewibawaan pemimpinnya. Tegasnya selagi kepimpinan adat kuat mengikut lunas-lunas, prinsip-prinsip dan falsafah Adat Perpatih, selagi itulah Adat Perpatih sebagai cara hidup dan Kerajaan Adat Perpatih dapat bertahan; seperti kata perbilangan :

*Rasa air ke pematang,
rasa munjak ke kualiti,
yang berbungkus rasa daun,
yang berikat rasa tali,
adat bersaudara, saudara dipertahankan,*

*adat berkampung, kampung dipertahankan,
adat bernegeri, negeri dipertahankan,
adat berbangsa, bangsa dipertahankan.*

*Yang berat szma dipikul,
yang ringan sama dijinjing,
ke bukit sama mendaki,
ke lurah sama menurun,
yang ada sama di makan,
yang tiada sama dicari,
seciap umpama ayam,
sedencing umpama besi.
Sesusun bak sireh,
serimbun bak serai,
seharta sebenda,
sependan seperkuburan,
sehina semalu:
malu seorang, malu semua.*

Sekali pemimpin adat mulai goncang dan goyah akibat atau hasil penyelewengan dan tergelincir daripada lunas-lunas, prinsip-prinsip serta falsafah Adat Perpatih maka akan jatuh dan robohlah sistem adat dan kerajaan pimpinannya. Penyelewengan kepimpinan ini berlaku apabila ketua-ketua adat bertindak atau mentadbir:

*Mengukur tak sama panjang,
menimbang tak sama berat,
membilai tak sama luas,
tak meletak sesuatu di tempatnya.*

atau:

*Menyisip padi dengan lalang,
mencampur kapur dengan tepung,
mencampur minyak dengan air,
memperdekat api dengan abuk,
mencampur durian dengan mentimun.*

Apabila keadaan ini berlaku, maka sistem adat dan kerajaan adat akan kucar-kacir dan akhirnya hancur; seperti pantun adat :

*Enggang lalu ranting repuh,
pulang pagi berpeluh basah;
Cupak penghulu kok tersentuh,
kampung halaman keluh-kesah*

dan :

*Enggang lalu di Kuala Sedeli,
balam dan merbah sedang berbual;
Penghulu kalau tidak lagi peduli,
anak buah semua akan terjual.*

serta:

*Petitih peneman andai,
gurindam peneman peri,
Pemimpin kalau tak pandai,
rosak kampung serta negeri.*

6. PEMIMPIN ADAT HARI INI

Penguatkuasaan pemerintahan kolonial Inggeris ke atas Negeri Sembilan yang bermula pada tahun 1874 di Sungai Ujung dan berakhir di Rembau pada tahun 1898, telah merubah secara kritikal organisasi dan struktur politik dan sosial masyarakat Adat Perpatih ini ¹⁰.

6.1 Perubahan Status Pemimpin Adat

Inggeris telah menghakis dan menolak keberfungsian sistem politik Adat Perpatih yang berbentuk perwakilan berdasarkan kelompok-kelompok kekeluargaan. Kuasa dan kewibawaan pemimpin adat telah dibayangi dan diganti dengan jentera pentadbiran yang baru. Pentadbiran baru dilanjutkan lagi, malahan bertambah canggih dan kompleks apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan (1957) dan kemudian diikuti dengan penubuhan Malaysia (1963). Pemimpin adat dan pentadbiran sistem adat tetap pada tahap lama, tidak ada perubahan, malahan dapat dikatakan semakin mengherot ke belakang. Pada teorinya, dalam sistem pentadbiran di wilayah Adat Perpatih Negeri Sembilan, wujud suatu keadaan *dualistik* iaitu sistem pentadbiran birokrasi baru dan sistem pentadbiran adat. Pada praktisnya, hanya sistem birokrasi baru sahaja yang berfungsi.

Sebelum itu, mulai sekitar akhir tahun 1940 an, di Negeri Sembilan dan juga di negeri-negeri lain dalam Persekutuan Tanah Melayu telah wujud pula satu lagi jenis pemimpin, yakni pemimpin politik, khususnya ketua-ketua UMNO. Pemimpin terakhir ini, walaupun tidak terlibat secara langsung dalam sistem pentadbiran kerajaan tetapi berpengaruh, telah mendapat tempat dalam masyarakat. Status dan kedudukan mereka ini bertambah teguh selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Dewasa ini, mereka adalah pemimpin tidak formal dalam masyarakat yang mempunyai kaitan dan pengaruh kuat dengan sistem birokrasi kerajaan. Sebahagian daripada mereka, terutama sekali pada peringkat kampung, telah diserapkan ke dalam sistem pentadbiran birokrasi sebagai ketua kampung, penghulu mukim dan atau ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Pemimpin-pemimpin adat tetap terketepi. Jikalau terserap ke dalam sistem pentadbiran kerajaan pada peringkat bawah ini, mereka dilantik bukan atas statusnya sebagai pemimpin adat tetapi kerana jawatan yang dipegangnya dalam parti politik pemerintah.

Daripada huraian ringkas di atas nyatalah bahawa mulai dari tahun-tahun akhir 1940-an di wilayah Adat Perpatih Negeri Sembilan terdapat tiga jenis pemimpin utama - adat (institusi tertua), birokrasi (sejak awal abad ke-20) dan politik (institusi terbaharu). Antara ketiga-tiga jenis pemimpin ini, peranan, status dan tanggungjawab pemimpin-pemimpin birokrasi dan politik semakin berkembang, kukuh dan canggi; tetapi sebaliknya yang terjadi ke atas pemimpin adat. Pemimpin adat semakin kebelakang, semakin mencorot dan 'tidak berkuku' langsung. Hari ini, pemimpin adat, berbanding dengan pemimpin yang dua lagi itu, hampir tidak berfungsi lagi. Keadaan mereka dari segi peranan dan status serta tanggungjawab dalam pentadbiran negeri adalah umpama rumput di tepi jalan : *hidup segan, mati tidak mahu*.

6.2 Perubahan Dan Kesannya Ke Atas Pemimpin Adat

Perubahan telah berlaku dalam sistem Adat Perpatih sejak awal abad ke-20. Perubahan awal, seperti yang telah dibicarakan di atas, ialah transformasi total sistem politik dan pentadbiran Adat Perpatih kepada sistem politik dan pentadbiran ala barat. Berikutan dengan perubahan ini ialah pengenalan dan pengamalan *Customary Tenure Enactment* yang kini lebih dikenali sebagai *Chapter 215* (ringkasnya *Cap 215*). Inti pati *Enactment* itu ialah : semua hak milik ke atas tanah sawah dan kawasan tempat tinggal

harus didaftarkan di bawah nama pemilik individu. Di samping itu, penjajah juga telah memperkenalkan sistem pendidikan sekular yang tidak mementingkan proses pemindahan *parental*/ mengenai tradisi dan nilai-nilai adat. Pendidikan itu telah menjadi agen penerapan nilai dan budaya barat, dan lebih bertumpu kepada pengutukan, pemilihan dan melatih individu-individu supaya berperanan dalam suatu masyarakat yang sedang berubah dan membangun. Oleh sebab tidak mementingkan kesinambungan budaya setempat (Adat Perpatih) pendidikan moden ini telah memainkan peranan yang signifikan dalam merubah sikap, nilai dan kefahaman mengenai Adat Perpatih. Akhirnya telah terterap dalam minda generasi muda bahawa: segala yang Melayu dan beradat Melayu adalah '*tidak maju*', '*tidak mengikuti masa*', dan '*ketinggalan zaman*'. Anak Melayu berasa '*malu*' berbudaya Melayu dan dalam konteks perbincangan ini '*berbudaya Adat perpatih*'.

Apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, dan diikuti pula dengan penubuhan Malaysia, kerajaan telah mengambil langkah dinamik membangunkan negara, terutamanya kawasan luar bandar. Antara aspek pembangunan itu ialah : memperbanyak dan mempelbagai perusahaan, memperbaiki serta mewujudkan dan memperluas infrastruktur. Pembangunan sektor ini telah memberi kesan kepada Adat Perpatih. Antara kesan utama yang bertindan lapis dan kait-mengait serta pengaruh mempengaruhi antara satu dengan yang lain adalah:

1. Tanah sawah, tulang bekalan Adat Perpatih telah menjadi kering dan akhirnya menjadi tanah sawah terbiar.
2. Pengorientasian ekonomi daripada pergantungan kepada ekonomi sara hidup (bersawah padi) dan tanaman kontan (getah) kepada yang lebih bergantung kepada gaji.
3. Masyarakat Adat Perpatih sangat bergantung ke atas pendapatan tunai bagi segala keperluan hidup termasuk pembayaran perkhidmatan tertentu seperti bekalan api dan air, kesihatan, serta pembayaran cukai.
4. Pendidikan telah menggantikan harta tanah sebagai harta pusaka adat. Ini bererti hasil yang diperolehi daripada pendidikan (seperti juga hasil harta pusaka adat) harus diperkongsikan sekurang-kurangnya di kalangan ahli keluarga. Ini memaksa orang-orang adat mengorientasikan semula sistem ekonominya.

5. Cara hidup fundamental pengamal Adat Perpatih telah berubah. Generasi muda, terutamanya wanita yang sememang diakui memainkan peranan penting dalam ekonomi pengeluar, telah berhijrah untuk mendapat pekerjaan (sedang pra-1970-an, lelaki sahaja) ke kawasan industri dan bekerja sebagai buruh bergaji.

Faktor-faktor di atas berserta dengan faktor-faktor sampingan yang lain telah menghakis sedikit demi sedikit, sehingga akhirnya, generasi Adat Perpatih kini tidak lagi mahu mengasosiasikan dirinya dengan adat warisan nenek moyang mereka. Akhir-akhir ini (sejak sedekad dua yang lalu), ke dalam minda dan aturcara hidup masyarakat Melayu telah diserapkan pula nilai-nilai dan imej-imej budaya barat secara meluas dan intensif melalui media massa khususnya media elektronik. Justeru itu nilai budaya dasar mereka bukan lagi nilai budaya Melayu (Adat Perpatih) tetapi nilai budaya barat. Masyarakat Melayu yang berbudaya ala Barat ini adalah generasi yang kurang faham dan kalau tahu pun, kurang mendalam pengetahuan mengenai Adat Perpatih. Dengan kefahaman dan pengetahuan yang cetek ini, tanpa pula mencari kebenaran dan kebaikan sistem adat itu, mereka telah menolak malahan menentang kewujudan Adat Perpatih.

Daripada huraian di atas, nyatalah bahawa Adat Perpatih hari ini berada pada tahap pengamalan yang paling minima. Malahan dapat dikatakan bahawa dari segi amalan, pola dan cara kehidupan, baik seharian mahupun dalam upacara (adat istiadat) tertentu, antara masyarakat Adat Perpatih dengan masyarakat Melayu bukan Adat Perpatih, tidak menampakkan sebarang perbezaan atau kelainan. Dengan kata lain, tidak ada lagi keunikan budaya adat orang Negeri Sembilan. Walaupun demikian, keadaannya dari segi struktur masih wujud dan dalam minda anak buahnya, pada aspek-aspek tertentu (bila ditanya tidak tahu aspek apa!), terutama sekali di kalangan segelintir pemimpin adat, ia masih sensitif. Kesensitifan ini pun telah hampir menghilang langsung.

Ironinya ialah daripada kalangan anak buah (mungkin daripada kalangan yang masih ada nostalgia adat) yang tidak lagi sensitif mengenai adat inilah terpilih dan terlantiknya pemimpin-pemimpin Adat Perpatih dewasa ini!

7. DILEMA PEMIMPIN ADAT KINI

Pemimpin adat adalah '*orang bergelar*' dan gelarannya sungguh hebat serta mengkagumkan bila dilfaskan dan didengar. Dari segi status dan kuasa mereka kini, melainkan jawatan Penghulu dan Undang, berbanding dengan pemimpin baru (pegawai kerajaan dan pemimpin parti politik memerintah), mereka tidak mempunyai apa-apa. Siapakah sebenarnya mereka dari segi status dan kuasa berbanding dengan pemimpin-pemimpin lain? Untuk jawapan dan gambaran yang jelas, lihat rajah 1 dalam Lampiran I. Walaupun pada idealnya kedudukan mereka begitu tinggi dan berkuasa, namun pada praktiknya hari ini, mereka tidak diperakui dan diiktiraf oleh mana-mana pihak. Ada beberapa sebab mengapa keadaan ini terjadi. Antara yang menonjol adalah:

1. Mereka dan anak buah tidak mempunyai kefahaman yang mendalam mengenai struktur, organisasi dan perjalanan Adat Perpatih.
2. Akibatnya pemimpin adat kurang jelas tentang peranan dan tanggungjawab global mereka sebagai ketua. Pengamal (anak buah) adat pula lebih daif lagi mengenainya. Dengan demikian, kedua-dua belah pihak menyalahkan satu sama lain apabila berlaku sebarang perselisihan dan konflik pendapat berkaitan sebarang hal ehwal yang menyangkut adat.
3. Hampir semua pemimpin adat mempunyai kedudukan ekonomi dan pendidikan yang rendah, sedangkan kedua-dua perkara ini adalah dua perkara utama yang menjadi petunjuk penentuan status dan kuasa seseorang hari ini. Keadaan ini mengeruhkan lagi situasi yang ada.
4. Walaupun mereka mahu menjadi pemimpin yang baik dan dinamik serta mahu terlibat secara aktif membangunkan anak buah, kampung dan daerah, namun mereka tidak mempunyai kuasa dan pengaruh kerana mereka tidak bertempat, tidak mempunyai 'hubungan' tertentu dalam struktur dan organisasi pentadbiran serta politik hari ini; tambahan pula mereka tidak mempunyai dasar ekonomi (*economic base*) yang kuat dan kukuh; sedangkan hari ini semuanya diukur dengan duit.

5. Sebaliknya pula, jikalau ada pemimpin adat yang mahu dan berkebolehan serta bekemampuan membantu memajukan anak buah, ketua-ketua adat lain serta anak buah sendiri pula yang menghalang dan tidak berkerjasama akibat cemburu, iri hati, atau tidak percaya dan '*tidak senang*' dengan kebolehan orang lain. Dengan itu, rancangan pembangunan itu terhalang juga akhirnya.
6. Oleh sebab mereka tidak tergolong dalam struktur pemimpin yang berfungsi hari ini, walaupun mempunyai gelaran yang mengagumkan, mereka tidak mempunyai pendapatan bulanan (gaji atau elaun) yang setaraf dengan gelaran yang mereka sandang. Pendapatan daripada jawatan adat mereka itu tidak mencukupi untuk menyara hidupnya sendiri, lebih lagi untuk '*berlagak*' sesuai dengan status gelarannya. Kebanyakan pemimpin adat berada dalam keadaan daif.

Demikian antara faktor-faktor utama, di samping wujudnya berbagai-bagai faktor lain yang membuatkan pemimpin-pemimpin adat hari ini berada dalam dilema dan serba-salah. Dilema ini pula telah menimbulkan kekecewaan (*frustration*) di jiwa pemimpin adat. Oleh sebab demikian keadaannya bagaimanakah mungkin pemimpin-pemimpin adat itu boleh menjalankan peranannya secara baik seperti mana yang diharapkan dan dijangkakan oleh semua pihak?

7. PENUTUP

Dalam mengakhiri pembicaraan mengenai pemimpin adat dalam memupuk Adat Perpatih ini, beberapa faktor terpaksa dan harus diambil kira dan mendapat serta diberi perhatian yang serius oleh semua pihak yang terlibat, baik di dalam atau di luar struktur dan organisasi adat itu sendiri. Antaranya adalah:

1. Pilih dan lantik pemimpin adat yang berkebolehan daripada semua aspek; sesuai dengan kehendak dan citarasa dunia hari ini.
2. Pergunaan saluran kedinamikan adat itu sendiri untuk memperkembangkan dan mengkemaskinikan adat itu:

*Sekali air bah,
sekali pasir berubah,
sekali musim bertukar,
sekali adat beralih.*

*Adat dipakai, baru,
kain dipakai, usang.
bercupak sepanjang buluh,
beradat sepanjang jalan.
usang-usang diperbaharui,
lapuk-lapuk dikajangi,
bila baik, di pakai,
bila buruk, dibuang,
bila singkat, diulas,
bila panjang, dikerat,
bila pendek, dilunak,
bila melebihi, jangan keterlaluan,
bila mengurangi, jangan sia-siakan.*

Untuk mendapatkan penyesuaian baru, sejajar dengan kedinamikan itu, ia haruslah mengikut lunas-lunas dan melalui proses dan aturan adat nan sebenarnya iaitu melalui *berkampung, berkerapatan* dan *muafakat*.

*Melangkah diujung pedang
bersilat diujung keris;
kata selalu berumpama
rundingan banyak berkiasan.*

*Bulat air dek pembuluh,
bulat kata dek muafakat.
Bulat, baru digolekkan,
pipih, baru dilayangkan.*

*Bulat nan tak bersudut,
pipih nan tak bersanding,
Datar berlantai papan,
licin berlantai kulit.*

*Terpelecok makanan lantak,
terkurung makanan kunci.*

*Yang buruk, dibaharui,
yang usang, diganti:
ibu adat muafakat.
Bulat air dek pembetung,
bulat manusia dek muafakat:
hilang adat dek muafakat.*

Dalam muafakat itu bincangkanlah hukum hakam adat yang sesuai dan yang tidak sesuai dengan kehendak dan keperluan serta kepentingan alam sekitar semasa. Kata Adat:

*Pada adat;
menghilangkan yang buruk,
menimbulkan yang baik.*

Apabila telah *bulat* apa yang hendak diubahsuai maka laksanakan dan amalkan dia selari dengan aturan dan *aluran nan patut* mengikut adat: *Adat nan diadatkan.*

3. Pengetahuan dan pemahaman adat di kalangan semua pihak termasuk ketua-ketua adat yang menyandang pusaka, bakal penyandang pusaka serta anak buah, harus dipentingkan. Kepada pemimpin adat yang telah '*tahu*' mengenai adat, tidak salah jika mereka mengulangkaji dan mengemaskinikan pengetahuan adat mereka: *membaharui yang usang (usang-usang diperbaharui).*

Pemimpin adat yang lain pula tidak harus malu dan segan mengakui kelemahan dan kecacatan pengetahuan global mereka dan menunjukkan keinginan serta minat untuk menambah lagi ilmu dalam semua bidang, khususnya ilmu adat, demi membantu dan meninggikan taraf diri sendiri sebagai ketua adat dan pemimpin masyarakat. Orang adat harus sedar dan mengakui bahawa Adat Perpatih hari ini adalah:

*bak mencari jejak dalam air;
bak mencari penjahit dalam lunau.*

Pemimpin adat harus sedar bahawa generasi yang dipimpinnya kini adalah masyarakat yang berjiwa kritis dan sukar dipimpin. Generasi muda kini adalah bak kata perbilangan:

*Kok terhimpit nak di atas,
kok terkurung nak di luar;
berjalan berdua, nak ditengah,
berjalan seorang, nak dahulu.*

Dengan demikian, sebagai pemimpin seseorang itu harus mempunyai pengetahuan yang lengkap mengenai adat dan masyarakat yang dipimpinnya. Jikalau ilmu pemimpin adat itu tidak lengkap dan tidak cukup ia tidak boleh dimanfaatkan; seperti kata pantun adat:

*Berguru ke padang datar;
dapat rusa belang kaki;
Berguru kepalang ajar,
umpama bunga kembang tak jadi.*

Malahan, lebih serius lagi, pemimpin tersebut boleh merosakkan adat, seperti kata perbilangan:

*Alang tukang binasa kayu,
alang cerdik binasa adat,
alang arif binasa tubuh*

Dengan demikian, pihak berkuasa adat harus mengambil perhatian dan langkah tegas mengenai cara untuk memupuk pengetahuan adat terhadap semua golongan, terutama sekali pemimpin adat. Generasi muda (anak buah) pula harus di perkenalkan kepada Adat Perpatih yang sebenarnya kerana '*tidak kenal maka tidak cinta*'. Kepada semua pihak: berkenalan, ber-cinta, menyayangi lantas mengamalkan sistem Adat Perpatih bukanlah suatu yang merugikan dan tidak pula ketinggalan zaman. Pengamalan sistem ini besar kemungkinan dapat menghindarkan perlanjutan dan pertambahan gejala-gejala penyelewengan sosial di kalangan generasi muda, yang sedang sibuk dan giat diperkatakan. Malahan, jikalau kita teliti akan kehendak *Wawasan 2020*, seperti masyarakat penyayang, keluarga bahagia dan yang lainnya, serta etika kerja kakitangan kerajaan hari ini, ia telahpun diterapkan dan menjadi se-

bahagian daripada dasar-dasar dan falsafah Adat Perpatih-adat yang pernah menjadi aturcara hidup seharian masyarakat dan undang-undang serta perlembagaan kerajaan pengamalinya. Tamadun itu dapat bertahan tidak kurang daripada 200 tahun. Justeru itu mengapa kita, saki-baki '*orang adat*' hari ini harus '*malu*' dan '*segan*' mengakui dan memberi pengiktirafan yang sejajar kepadanya. Kita harus bermegah dan berbangga atas adanya '*harta*' yang tidak ternilai harganya warisan nenek moyang kita dan kurnia Allah kepada kita. Maka marilah kita bersama memupuk Adat Perpatih yang kini sedang kekeringan. Ingatlah perbilangan '*gemuknya (Adat Perpatih) kerana dipupuk, segarnya kerana disiram*'. Akhir kata:

*Sembah datuk,
yang kecil tak disebut nama,
yang tua tak dihimbau gelar.*

*Umpama berjala dah sampai ke batas,
umpama berkayuh dah sampai ke pulau,
umpama memanjat dah sampai ke pucuk,
terlambung ke atas dah tercium anyir langit,
terhumban ke bawah dah nampak kerak bumi.*

*Yang ruas dah sampai ke buku,
yang kitab sudah berkhatham,
yang runding dah berkesampaian,
yang muafakat dah bulat.*

*Yang terasa-rasa dah dirasa,
yang terniat dah terkabul,
yang diminta dah dapat,
yang hilang dah bersua,
yang kesat dah diampalas,
yang keruh dah jernih,
yang bengkok dah lurus,
yang koyak dah ditampal,
yang berlubang dah disumbat,
yang sempit dah lapang.*

*Kalau rupa sudah dilihat,
kalau perisa sudah dirasa,
sudah tahu jantan betinanya,*

*Dalam pada itu,
eloklah pula saya sampaikan,
supaya didengar orang nan banyak.*

*Terkena kata nan tua-tua,
nan baharu berubah-ubah,
nan hidup banyak olah,
nan manusia mengandung salah,
mengandung cacat dengan bebal,
mengandung silap dan lupa.*

*Sembah datuk,
entah saya salah sapa,
entah duduk salah tempat,
entah sirih salah sorong,
entah kain salah ikat,
entah lantai tidak rata,
entah telinga salah dengar,
entah mata salah lihat,
entah tangan salah raba,
entah kaki salah sila,
entah kurang serba satu.*

*Saya memohon ampun dan maaf,
disusun jari nan sepuluh,
ditundukkan kepala nan satu.
Dalam pada itu, datuk,
selama saya berbicara,
entah lidah salah sebut,
entah jawab salah tingkah,
entah maksud salah sampai,
entah niat salah unjuk.*

*Yang menjadi salah nan silih,
nan menjadi dendam kesumat,
nan menjadi air dipermalukan,
nan menjadi syak dengan sangka,
nan menjadi tuduh dengan tohmah,*

*nan menjadi dakwa dengan dakwi,
nan menjadi umpat dengan keji,
nan menjadi hamun dengan maki,
nan menjadi sangkak di hati,
nan menjadi duri dalam daging,
nan termimpi terkilan-kilan.*

*Saya memohon ampun beribu ampun,
saya susun jari nan sepuluh,
saya tundukkan kepala nan satu.*

*Sembah datuk,
kalau ada salah silihnya,
bahu saya nan memikul,
kalau ada hutang berbaris,
kepala saya nan menjunjung.*

*Banyak kelok ke penarik,
satu kelok ke satu malam;
Nan elok bertambah baik,
nan buruk ditanam dalam.*

*Banyak kelok ke penarik,
kelok tumbuh pohon kelapa;
Nan elok bawalah balik,
nan buruk tinggal di saya.*

*Yang keruh buang ke laut,
yang semak buang ke rimba,
yang busuk dikuburkan.
Yang wangi kita ciumi,
yang jernih jua kita minum,
yang perisa jua kita makan,
yang bersih jua kita pakai,
yang harum jua kita hidu,
yang pahit menjadi ubat,
yang kelat menjadi pemanis,
yang masam jadi penyedap,
yang manis jadi pelemak.*

*Supaya kaki ringan melangkah,
supaya lengan bebas melenggang,
supaya lapang dalam hati,
supaya tenang pergi datang,
supaya habis nan terkilan,
supaya habis nan terkalang,
supaya habis nan terasa-rasa,
supaya tidak termimpi-mimpi,
supaya tidak terigau-igauan.*

*Yang panas menjadi sejuk,
yang berbara tak menyala,
yang berasap tak mengepul,
yang marak menjadi padam.*

*Sembah datuk,
itulah ucap kata saya,
itulah isi hati saya :
tak bermanis mulut di bibir,
tak bermuka-muka dua,
tak berbasa-basa basi.*

*Putih di dalam putih di luar,
pepat di dalam pepat di luar,
putih dapat disulahi,
pepat dapat diduduki.*

*Sembah datuk,
kecil tak disebut nama,
besar tak dihibau gelar.*

*Sambutlah sembah salam saya,
sembah nan minta ampun,
salam nan minta maaf.*

NOTA KAKI

1. Kertas kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Pemupukan Adat Perpatih Rembau*, di Balai Undang Luak Rembau, pada 11 Novembe 1995.
2. Lukut, Kota Tinggi, di negeri Johor dibuka oleh orang-orang Bemban dan Jimak dari Luak Sungai Ujung. Kampung Sasapan Batu Rembau telah diteroka oleh orang-orang dari Sepri dan Pedas, Luak Rembau.

3. Luak Tampin adalah luak ciptaan baru. Ia, sebelum tahun 1836, adalah sebahagian daripada Luak Rembau. Selepas tahun tersebut, Inggeris telah '*memaksa*' Rembau menyerahkannya kepada keluarga Raja Ali dan Syed Shaaban. Ekoran daripada itu, di Tampin telah diberi pemimpin baru bergelar *Tunku Besar Tampin*.
4. Sebelum tahun 1883, daerah Port Dickson adalah sebahagian daripada Negeri Selangor. Pada tahun tersebut, ia telah dijadikan sebahagian daripada Negeri Sembilan setelah ditukar ganti dengan Wilayah Semenyih, khususnya kepunyaan Sungai Ujung (Norhalim Hj. Ibrahim, 1993:85).
5. Adat Linggi, mengikut orang-orang tua Linggi, dikenali sebagai : *muafakat bil kitalo gabulatan minat ustaz yamonati* atau ringkasnya *Adat Linggi* (Norhalim Hj. Ibrahim, 1993:89).
6. Untuk keterangan lanjut mengenai persamaan dan perbezaan antara Adat Perpatih dan Adat Temenggong lihat Norhalim Hj. Ibrahim, *Adat Perpatih*, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1993.
7. Untuk mengetahui fungsi sosial ketua adat dalam kelompok spesifiknya - rumpun, ruang, perut dan suku, lihat huraian Norhalim Hj. Ibrahim, *Adat Perpatih*, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, halaman 112-120.
8. Raja di sini bererti pimpinan.
9. Untuk huraian lanjut lihat Norhalim Hj. Ibrahim, *Negeri Yang Sembilan*, Fajar Bakti, Shah Alam, 1995.
10. Untuk keterangan lanjut lihat kertas kerja Norhalim Hj. Ibrahim, "Adat Negeri Sembilan Melalui Masa", yang dibentangkan dalam *Seminar Adat Dalam Pembangunan*, 21 Setember 1993, muka surat 35-66.

BIBLIOGRAFI

A. BUKU DAN ARTIKEL

Abas Hj. Ali, *Rembau Sejarah, Perkembangan Adat dan Istiadatnya*, Jabatan Undang dan Perlembagaan Adat dan Istiadat Melayu Rembau, Rembau, 1953.

Abu Cik Mat Sarom, dll., *Asal Usul Adat Perpatih*, Malay Press, Kuala Pilah, 1962

Ahmad Dt. Batuah dan A. Dt. Madjoindo, *Tambo Alam Minangkabau dan Adatnya*, Penerbitan Balai Pustaka Djakarta, 1956.

Bahar Dt. Nagari Basar, *Falsafah Pakaian Penghulu di Minangkabau*, penerbit C.V. Eleonara, Pajakumbuh, 1966.

Batoeh Sanggo, Datoek, *Tambo Alam Minangkabau*, Pertjetakan Limbago, Pajakumbuh, 1966.

Begbie, P.J., *The Malayan Peninsula*, Vepery Mission Press, Madras, cet, semula dengan 'Pendahuluan' oleh Diptendra M. Banerjee, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967.

Cave, J., *Naning in Melaka*, Monograph No. 6, The Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, Kuala Lumpur, 1989.

Josselin de Jong, P.E. de, *Minangkabau and Negeri Sembilan*, Martinus Nijhoft, The Hague, 1952.

Lister, M., 'The Negeri Sembilan: Their Origin and Constitution', dalam *JSBRAS*, 19:35-53, 1887.

Mohd. Din bin Ali, *Sambaan Cakap dan Pepatah Adat Melayu*, Penggal 3, The Economy Press, Kuala Lumpur, 1957.

Norhalim Hj. Ibrahim, 'Social Change in Rembau', dalam *JMBRAS* 50(2):136-49, 1977.

_____, 'Adat Minanagkbaua Sebelum Zaman Perpatih: Suatu Pengenalan Ringkas', dalam *Warisan*, 7:31-42, 1983.

_____, 'Negeri Sembilan: Adat Perpatih atau Adat Temenggung', dalam *Ilmu Masyarakat*, 1:11-83, 1983.

_____, 'Negeri Sembilan: Adat Perpatih and Adat temenggung: A Review', dalam *Sari*, 1(2):175-91, 1983.

_____, 'Some Observations on Adat Leadership in Rembau, Negeri Sembilan', *Tonan Ajia Kenykyu (Southeast Asian Studies)*, 26(2): 150-65, 1988.

_____, 'A Brief Introduction to Adat Perpatih', dalam Nellie S.L. Tan-Wong dan Vipin Patel (eds.), *Adat Perpatih: A Matrilineal System in Negeri Sembilan, Malaysia*, Wintrac (WWB/Malaysia) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur 1992.

_____, 'Vanishing Culture of Adat Perpatih', dalam Nellie S.L. Tan-Wong dan Vipin Patel (eds.), *Adat Perpatih: A Matrilineal System in Negeri Sembilan, Malaysia*, Wintrac (WWB/Malaysia) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur 1992.

_____, *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaan Dengan Adat Temenggung*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1993.

_____, 'Sistem Adat Masyarakat Negeri Sembilan (suatu Pengenalan Ringkas)', dalam Abdul Samad idris dan Norhalim Hj. Ibrahim, dll. (eds.), *Adat Merentas Zaman*, Badan Penyelidikan Muzium N. Sembilan, Seremban, 1994.

_____, *Negeri Yang Sembilan*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Shah Alam, 1995.

Parr, C.W.C., dan Mackray, W.H., 'Rembau, One the Nine States: Its History, Constitution and Customs', dalam *JSBRAS*, 56:1-57, 1910.

B. TESIS DAN KERTAS KERJA

Norhalim bin Hj. Ibrahim, *Sosial Change and Continuity in the Matrilineal Society of Rembau, Negeri Sembilan (Malaysia)*, tesis M.A., University of Hull, Hull, 1976.

_____, 'The Negeri Sembilan Adat Through Time with Special reference to Rembau', Kertas Kerja The Malay Seminar, 28 Mac 1989, Center for Southeast Asian Studies, University of Kyoto, Kyoto.

_____, 'Metos, Tradisi dan Sejarah Negeri Sembilan,' Kertas kerja seminar kepada Team Penelitian Universitas Andalas, 21 Mei 1989, Seremban.

KEPENDEKAN:

- JMBRAS** : Journal of the Malayan/Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society.
- JSBRAS** : Journal of the Stratis Branch Royal of the Asiatic Society.

LAMPIRAN I**RAJAH I**

**PERBANDINGAN STATUS DAN KUASA DI KALANGAN
PEMIMPIN-PEMIMPIN DALAM WILAYAH ADAT**

ADAT	KERAJAAN	POLITIK
Undang	Raja/Menteri Besar	Presiden Parti
Lembaga	Pegawai Daerah	Ketua Perhubungan Negeri
Buapak	Penghulu Mukim	Ketua Bahagian
Besar	Ketua Kampung	Ketua Cawangan
Kadim	Pengerusi J KKK	-